



Gambar ZUL AZHAR SHEBLEE

Veterinar kuda lumba

SEKOR kuda walaupun yang mempunyai rekod pencapaian terbaik boleh tersingkir daripada memenangi kejuaraan dengan hanya sedikit gangguan kesihatan.

Masalah seperti degupan jantung tidak normal, bunyi di dalam usus dan menghidap selesema sudah cukup untuk menjadi penyebab kepada seekor kuda untuk dikesualkan daripada menyertai pertandingan.

Itulah perkara pertama yang dikongsi oleh pakar veterinar kuda, Rebecca Tan ketika ditemui di Kelab Lumba Kuda Selangor (STC), baru-baru ini.

Beliau yang memulakan tugas sebagai veterinar sejak 15 tahun lalu merupakan salah seorang daripada empat doktor yang menghabiskan masa 'lapan jam sehari' memeriksa kira-kira 500 kuda di situ.

Sepanjang tugasnya, tidak ada yang lebih penting daripada memastikan kuda-kuda milik kelab dan milik persendirian di situ cergas serta bebas daripada penyakit.

"Sebagai veterinar kuda, pemeriksaan dilakukan dari kepala hingga ke tapak kaki bagi mengesan masalah yang mungkin mengganggu prestasi kuda.


"Alat seperti stetoskop adalah teman paling rapat yang digunakan untuk memeriksa degupan jantung, respirasi dan kekembungan," katanya.

Penjagaan katanya, sangat berbeza dengan haiwan peliharaan lain kerana haiwan itu agak sensitif kepada perubahan persekitaran dan memerlukan pemerhatian sepanjang masa.

"Menjadi veterinar kuda lumba tidak ubah seperti menjadi doktor kepada seorang atlet kerana semua perkara harus diambil kira secara terperinci," ujarnya.

Antara masalah lain yang sering dihadapi oleh kuda lumba atau kuda padi import dari New Zealand, Australia, Eropah dan India itu termasuk tempang, sakit sendi, gigi, kuku, parasit, trauma, batuk, mata dan telinga.


Sehubungan itu, pemvaksinan melalui suntikan influenza, tetanus dan encephalitis dilakukan kepada setiap kuda bergantung kepada jenis dan kegunaan



KUDA padi digunakan untuk latihan penunggang muda.



MINAT yang mendalam pada haiwan peliharaan mendorong Rebecca Tan menceburi bidang veterinar.



mereka.

Selain rutin di kandang, bekas graduan bidang Perubatan Doktor Veterinar di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu juga merupakan veterinar kuda lumba juga sibuk setiap kali sebelum acara.

Setiap kali sebelum perlumbaan, perkara yang paling dititikberatkan adalah pemeriksaan suhu badan dan pemasangan ladam yang boleh menjadi penyebab ketempangan.

"Walaupun berlari di atas litar rumput setebal empat inci, setiap kuda yang bertanding dalam perlumbaan diwajibkan memakai sekurang-kurangnya sepasang ladam di kaki hadapan," jelasnya.

Fungsi kepingan besi yang dipasang pada tapak kaki (kuku) kuda itu adalah untuk memberi perlindungan kepada kuku kuda ketika berlari.

Sebagai pakar kesihatan haiwan itu, Rebecca berhad menghalang atau memberikan surat pengecualian berlumba kepada kuda yang tidak mencapai tahap kesihatan memuaskan.

"Bagi pemilik yang mahu menangguhkan perlumbaan juga harus mendapatkan pengesahan kesihatan kuda," ujarnya.

Selain itu beliau bertanggungjawab melakukan ujian dadah terhadap kuda-kuda yang bertanding bagi mengesan penyalahgunaan steroid.



TIEP yang menyediakan kemudahan seperti klinik dan hospital kuda diharap tidak akan menjadi 'projek gajah putih'.



TIEP di Lembah Bidong antara gelanggang terbaik bagi sukan kuda lasak di rantau ini.



SHOWJUMP merupakan salah satu daripada disiplin utama ekuestrian.

30 orang meningkat kepada 100 menjelang 2020," katanya.

Katanya, oleh itu kita menyeru kerajaan supaya membantu usaha MEM di peringkat akar umbi khususnya di dalam program-program yang melibatkan latihan pelajar sekolah.

"Saya yakin dengan penglibatan kerajaan dan pihak yang terbabit dalam industri ini, negara mampu melahirkan lebih ramai atlet ekuin," jelas beliau.

Latihan sukan ekuin menurutnya berbeza dengan sukan lain kerana memerlukan tempoh 'matang' yang agak panjang, antara lima hingga 10 tahun bagi membolehkan seseorang penunggang serasi dengan kuda mereka.

persatuan dan kelab yang menawarkan kelas menunggang.

"Kebanyakan kelab di dalam negara dibuka kepada umum dan menawarkan pakej seperti kelas menunggang peringkat asas, mahir, pengurusan O-level, kelas memandu kereta kuda dan juga kelab pony.

"Selain itu kita juga aktif menganjurkan acara berkuda di rantau ini serta acara perlumbaan setiap bulan," jelas beliau.

Bagaimanapun, MEM mengakui cabaran terbesar yang dihadapi penggiat sukan itu adalah untuk mendapatkan jurulatih peringkat 1 yang mampu melatih atlet-atlet ke peringkat profesional.

"Sekarang kita masih bergantung kepada jurulatih asing padahal kita sebenarnya boleh mendapatkan kepakaran daripada bekas atlet tempatan.

"Malangnya maklum balas daripada mereka tidak seperti yang diharapkan kerana kebanyakan terus menghilang," ujarnya.

Sementara itu, MEM melalui Program Latihan Jurulatih yang bermula sejak 1996 mensasarkan bilangan jurulatih yang kini berjumlah

INFO GRAFIK

- Ekuestrian diperkenalkan sebagai acara dalam Sukan Olimpik pada 1900 di Paris, Perancis.
- Cabang utama terdiri disiplin *dressage*, *eventing*, *jumping* dan *endurance*.
- Sukan lain kuda termasuk polo, lumba kuda dan rodeo.
- *Thoroughbred* adalah satu-satunya baka kuda yang digunakan untuk perlumbaan.
- Paraekuistrianism turut dipertandingkan dalam Sukan Paralimpik.
- Kelab Lumba Kuda Pulau Pinang ditubuhkan pada 1864.
- Kelab Lumba Kuda Perak ditubuhkan pada 1886.
- Kelab Lumba Kuda Selangor ditubuhkan pada 1896.

"Keserasian penting kerana 80 peratus kemenangan bergantung kepada kuda manakala 20 lagi terletak pada kemahiran penunggang," kata beliau.

Oleh itu jelasnya, sudah menjadi sesuatu yang normal jika ada di antara penunggang di peringkat antarabangsa yang berusia 60 tahun masih mewakili negara bahkan jarang sekali penunggang ekuin yang berusia di bawah 30 tahun.

Mengulas pencapaian negara pada WEC lalu, Malik mengagumi pencapaian dan usaha beberapa orang penunggang dan berharap kerajaan dapat mempertimbangkan latihan di luar negara untuk mengembangkan kebolehan mereka.

"Jika usaha diteruskan saya yakin negara dapat menambah satu lagi acara sukan pada Olimpik 2012.

"Taman Endurance Antarabangsa Terengganu misalnya boleh dijadikan medan terbaik untuk

latihan sukan kuda lasak," ujarnya.

Beliau mengingatkan, sehebat manapun kemudahan yang ada di dalam negara sekarang kualiti perkhidmatan harus dipertingkatkan atau sekurang-kurangnya dikekalkan.

"Sukan ekuin memerlukan kepakaran banyak pihak contohnya jurulatih, veterinar, juru ladam dan sokongan daripada industri kuda," katanya.



KELAB kuda pony di negara ini menyediakan pendedahan terbaik kepada penunggang muda.



PENGLIBATAN Tuanku Mizan Zainal Abidin (depan) diharap memberi lebih suntikan kepada sukan ekuin negara.